

UM (Pahang) Channels

UMP adakan kerjasama 4/6/11 dengan NIU ms 27

KUANTAN 8 Jun - Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Northern Illinois University (NIU) menandatangani memorandum persefahaman (MoU) baru-baru ini bagi menawarkan program teknologi kejuruteraan di kampus NIU De Kalb, Illinois, Amerika Syarikat.

MoU itu ditandatangani Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Timbalan Naib Canselornya, Prof. Dr. Badhrulhisham Abd Aziz manakala NIU diwakili Naib Presiden Eksekutifnya, Dr. Raymond W. Alden III dan Provos Bersekutu Program Antarabangsa, Dr. Deborah Pierce.

Daing Nasir berkata, kerjasama itu secara langsung membantu universiti itu memberi nilai tambah ke atas program teknologi kejuruteraan yang akan ditawarkan mulai tahun depan.

"Pemilihan NIU dibuat berdasarkan pengalaman luas mereka menawarkan program teknologi kejuruteraan di samping program kejuruteraan yang dilaksanakan oleh Kolej Kejuruteraan dan Kejuruteraan Teknologi (CEET) yang diiktiraf badan pengiktirafan negara itu," katanya baru-baru ini.